

*Bab (24): Orang Yang Menjawab Pertanyaan (/ Memberi Fatwa) Dengan Isyarat Tangan Dan Kepala.<sup>254</sup>*

Tokoh-tokoh ternama seperti Syibli Nu'mani, Ibnu Taimiyyah, as-Sarakhsi, Maulana Abul Kalam Azad dan lain-lain adalah antara beberapa contoh 'ulama' Islam yang bersemangat untuk ilmu tanpa mengira keadaan susah atau senang.

Kedua-dua guru dan murid mestilah tidak menunggu waktu senang untuk mengajarkan ilmu.

<sup>253</sup> Sabda Rasulullah s.a.w. begini menunjukkan keluasan ilmu akan memberikan kepelbagaian cara dalam melakukan sesuatu amalan. Keterikatan mazhab dan pendapat hanya akan menyempitkan dan menyusahkan pelaku terutamanya dalam keadaan mendesak yang memerlukan jawapan dalam kadar segera.

Jumhur 'ulama' memahami maksud sabda Rasulullah s.a.w. لا حرج ini sebagai tidak berdosa dan tidak dikenakan apa-apa kaffarah atau fidyah. Imam Abu Hanifah pula berpendapat maksud Baginda ialah tidak berdosa tetapi tetap dikenakan kaffarah.

<sup>254</sup> Perkaitan dan kesesuaian di antara tajuk bab ke-24 ini dan tajuk bab ke-23 sebelumnya jelas sekali kerana kedua-duanya berbicara tentang fatwa.

Terdapat beberapa pandangan 'ulama' tentang tujuan Imam Bukhari mengadakan tajuk bab ini. Antaranya:

- (1) Kata Hafizh Ibnu Hajar, "Isyarat dengan tangan diambil daripada dua hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini. Isyarat dengan kepala pula hanya terdapat di dalam hadits Asmā' sahaja. Ia merupakan perbuatan 'Aaishah, tetapi marfu' hukumnya, kerana beliau bersembahyang di belakang Nabi s.a.w., dan Baginda ketika sedang bersembahyang nampak orang di belakangnya. Maka perbuatan 'Aaishah itu termasuk dalam yang ditaqrirkan oleh Rasulullah s.a.w. juga.
- (2) Shah Waliyyullah di dalam Risalah Tarājim Abwāb Sahih Bukhari-nya menulis: "Tujuan Bukhari mengadakan tajuk baba ini ialah untuk menyatakan keharusan

٨٥ - حَدَّثَنَا مُوسَى بْنُ إِسْمَاعِيلَ قَالَ حَدَّثَنَا وَهْبٌ قَالَ حَدَّثَنَا أَيُّوبُ عَنْ عِكْرِمَةَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ فِي حَجَّتِهِ فَقَالَ دَبَّحْتُ قَبْلَ أَنْ أُرْمِيَ فَأَوْمَأَ بِيَدِهِ قَالَ وَلَا حَرْجَ قَالَ حَلَفْتُ قَبْلَ أَنْ أُذْبِخَ فَأَوْمَأَ بِيَدِهِ وَلَا حَرْجَ

85 - Musa Bin Isma'il meriwayatkan kepada kami, katanya, Wuhaib meriwayatkan kepada kami, katanya, Ayyub meriwayatkan kepada kami daripada 'Ikrimah daripada Ibnu 'Abbaas, bahawa Nabi s.a.w. pernah ditanya ketika Baginda dalam hajinya, orang itu berkata: "Saya telah menyembelih sebelum melontar". Nabi s.a.w. mengisyaratkan dengan tangannya yang memberi maksud tidak mengapa. Ada pula yang berkata: "Saya telah bercukur

---

memberi fatwa dengan isyarat, walaupun yang lebih cermat di zaman sekarang ialah tidak memberi fatwa dengan cara itu.

(3) Syeikhul Hind Maulana Mahmudul Hasan berpendapat, oleh kerana kebiasaan Nabi s.a.w. dalam penyampaian dan pengajarannya begitu cermat, Baginda seringkali mengulang-ngulang sesuatu perkataan atau ayat agar difahami dengan baik oleh para pendengar, sehingga para sahabat kadang-kadang berkata di dalam hati masing-masing, "Alangkah baiknya kalau Nabi s.a.w. diam saja, alangkah baiknya kalau Nabi s.a.w. diam saja", maka zahirnya menunjukkan tidak boleh menggunakan bahasa isyarat, kerana itulah Imam Bukhari mengadakan tajuk bab ini untuk menyatakan ia harus dalam keadaan-keadaan tertentu jika tidak menimbulkan salah faham.

(4) Seseengah 'ulama' berpendapat, tujuannya ialah menyatakan perbezaan di antara fatwa dan memutuskan hukum (قضاء). Dalam fatwa, isyarat dengan tangan, kepala, mata dan lain-lain diharuskan jika difahami dengan baik dan tidak menimbulkan kekeliruan atau salah faham, berbeza keadaannya dalam kehakiman, seseorang hakim tidak harus menghukum menggunakan bahasa isyarat.

Sesiapa sahaja yang mengetahui kelebihan ilmu dan lebihan ilmu yang ada pada Rasulullah s.a.w. tentu sekali tidak akan melepaskan peluang untuk mencedok sebanyak mungkin ilmu daripada Baginda, namun tentu sekali akan memakan masa yang lama jika Baginda hanya menyampaikan ilmu di majlis ilmu pada hari tertentu sahaja. Imam Bukhari membawakan tajuk bab ini untuk memberitahu bahawa ilmu boleh disampaikan juga walaupun dengan isyarat tangan dan kepala sahaja, ia tentunya lebih ringkas dan lebih mudah daripada menggunakan bahasa pertuturan seperti tersebut pada bab sebelum ini.

Ilmu yang diperolehi hasil jawapan dengan cara ini boleh diamalkan, tetapi perlulah ditanyakan perinciannya pada waktu lain yang lebih selesa jika jawapan secara isyarat masih belum meyakinkan.

Isyarat yang diberikan pula mestilah difahami seperti yang dimaksudkan oleh pemberinya dan tidak hanya sekadar apa yang ma'lum pada seseorang, kerana kelainan bangsa, budaya dan tradisi mungkin memberikan maksud yang berbeza di sebalik sesuatu isyarat.

sebelum menyembelih binatang”. Nabi s.a.w. memberi isyarat dengan tangannya yang membawa erti tidak mengapa.<sup>255</sup>

٨٦ - حَدَّثَنَا الْمُكِّيُّ بْنُ إِبْرَاهِيمَ قَالَ أَخْبَرَنَا حَنْظَلَةُ بْنُ أَبِي سُفْيَانَ عَنْ سَالِمٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يُقْبَضُ الْعِلْمُ وَيُظْهَرُ الْجَهْلُ وَالْفِتْنُ وَيَكْثُرُ الْهَرْجُ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْهَرْجُ فَقَالَ هَكَذَا بِيَدِهِ فَحَرَفَهَا كَأَنَّهُ يُرِيدُ الْقَتْلَ

86 - Al-Makki Bin Ibrahim<sup>256</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya, Hanzhalah Bin Abi Sufyan meriwayatkan kami daripada Salim, katanya, Saya mendengar Abu Hurairah meriwayatkan daripada Nabi s.a.w., Baginda bersabda: “Ilmu

---

<sup>255</sup> Terjemahan yang diberikan ini lebih bersesuaian dengan tajuk bab yang dibuat Bukhari. Kata perawi (Ibnu `Abbaas): فَلَوْ مَا بِيَدِهِ قَالَ وَلَا حَرْجَ boleh juga diterjemahkan dengan: maka Nabi s.a.w. mengisyaratkan dengan tangannya sambil berkata, “Tidak mengapa”. Peristiwa yang tersebut di dalam hadits ke-85 di atas sama dengan peristiwa yang tersebut pada hadits di bawah tajuk bab sebelum ini, cuma ia diriwayatkan melalui saluran Ibnu `Abbaas.

Ia menunjukkan kepelbagaian cara menyampaikan ilmu dan memberikan fatwa, Rasulullah s.a.w. sendiri adakalanya bercakap dan adakalanya hanya berpada dengan memberikan isyarat. Isyarat memberi kebenaran atau larangan boleh difahami dengan baik maksudnya jika persoalan yang ditanya sudah mencukupi dan hanya memerlukan kebenaran atau pengesahan sahaja.

<sup>256</sup> Beliau ialah al-Makki bin Ibrahim bin Basyir bin Farqad, Abu as-Sakan al-Balkhi. Al-Makki adalah saudara Isma`il dan Ya`qub. Beliau telah mendengar hadits daripada Hanzhalah dan lain-lain tabi`in. Al-Makki adalah guru Imam Bukhari yang paling tua di Khurasan, kerana beliau meriwayatkan hadits daripada tabi`in. Orang-orang yang meriwayatkan daripadanya pula terdiri daripada guru-guru Bukhari sendiri seperti Imam Ahmad, Yahya bin Ma`in dan lain-lain.

Imam Bukhari telah meriwayatkan hadits-hadits daripadanya di dalam Kitab as-Shalat, Kitab al-Buyū` dan lain-lain. Sebelas (11) daripada riwayat Tsulātsiyyāt Bukhari di dalam Sahihnya adalah daripada beliau. Imam Muslim, Abu Daud, Tirmidzi, dan an-Nasaa`i pula meriwayatkan daripadanya dengan perantaraan seseorang.

Kata Ahmad dan al-`Ijli: “Dia tsiqah”. Kata Ibnu Sa`ad, “Dia tsiqah lagi tsabt (teguh)”. Kata an-Nasaa`i: “Tidak mengapa dengannya”. Abu Haatim berkata: “Tempatnya adalah benar”. Al-Khalili berkata: “Perawi tsiqah yang disepakati Bukhari dan Muslim”.

Di dalam enam kitab utama hadits tidak ada perawi bernama al-Makki bin Ibrahim selain beliau. Walaupun ياء di akhir perkataan al-Makki itu bersabdu macam ياء نسبة, tetapi itu bukan ياء nisbah sebenarnya, ia hanya nama beliau semata-mata. Al-Makki dilahirkan pada tahun 126 Hijrah dan meninggal dunia di Balkha pada tahun 215 Hijrah.

akan dihilangkan,<sup>257</sup> kejahilan dan fitnah akan menjadi-jadi secara nyata dan al-harj (pembunuhan) akan banyak berlaku”. Ada orang bertanya: “Apa itu al-harj wahai Rasulallah?”<sup>258</sup> Maka Nabi s.a.w. mengisyaratkan dengan tangannya dimiringkan seolah-olah Baginda memaksudkan pembunuhan.<sup>259</sup>

<sup>257</sup> Ilmu yang dimaksudkan di sini ialah ilmu agama Islam yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w., ia difahami daripada alif lam yang ada pada perkataan العلم, kerana Rasulullah s.a.w. tidak datang mengajar segala ilmu, Baginda hanya mengajar ilmu yang menjamin kebahagiaan manusia di dunia dan di akhirat secara umum sahaja, di samping mengajar juga akhlaq yang mulia untuk mengelokkan peribadi manusia.

<sup>258</sup> Walaupun sahabat berbangsa `Arab dan berbicara dalam bahasa Arab, namun tidak semua perkataan difahami mereka, sama halnya dengan penutur mana-mana bahasa sekalipun. Ada `ulama' berpendapat, perkataan al-harj itu adalah bahasa orang Habsyah, kerana itulah para sahabat tidak memahaminya. Sebahagian `ulama' pula berpendapat bahawa ramai sahabat sudah pun memahaminya, kerana banyak lagi perkataan lain yang berasal daripada bahasa asing tetapi sudah sehati dengan Bahasa `Arab, malah ia sudah pun menjadi bahasa `Arab, seperti perkataan أباريق di dalam al-Qur'an yang berpunca daripada Bahasa Farsi. Firman Allah s.w.t.:

بِأَكْوَابٍ وَأَبَارِيقٍ وَكُنَاسٍ مِّن مَّعِينٍ ﴿١٨﴾

Bermaksud: Dengan membawa piala-piala minuman dan tekoh-tekoh serta gelas yang berisi arak (yang diambil) dari mata airnya yang mengalir. (al-Wāqī'ah:18).

Sahabat hanya bertanya kepada Rasulullah s.a.w. untuk mendapatkan kepastian maksudnya sahaja, seperti pertanyaan mereka dalam hadits berikut:

وَلَيُزَعِّنَ اللَّهُ مِنْ صُدُورِ عَذُوكُمْ الْمَهَابَةَ مِنْكُمْ وَلَيَقْذِفَنَّ اللَّهُ فِي قُلُوبِكُمُ الْوَهْنَ فَقَالَ قَائِلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْوَهْنُ قَالَ حُبُّ الدُّنْيَا وَكَرَاهِيَةُ الْمَوْتِ

Bermaksud: Dan Allah akan mencabut rasa takut terhadapmu dari dada musuhmu dan mencampakkan wahan ke dalam hatimu. Maka ada seseorang bertanya: Apakah wahan itu wahai Rasulallah? Jawab Baginda: “Cintakan dunia dan takut mati.”

Oleh kerana Rasulullah s.a.w. juga sering memberikan istilah Syara' yang baharu kepada perkataan-perkataan yang sudah sedia ada di dalam Bahasa Arab seperti Shalat, Shaum (puasa), Zakat dan Haji, maka sebab itulah sahabat bertanya kepadanya untuk mendapatkan kepastian maksudnya.

Istilah-istilah dan perkataan-perkataan yang mempunyai beberapa andaian yang digunakan mestilah ditanya kerana tanpa memahami maksudnya dengan betul akan membawa kepada salah faham yang teruk.

Sesetengah orang mengatakan sahabat kurang pandai dan kurang cerdik kerana sentiasa menanyakan tentang perkataan-perkataan yang sepatutnya mereka sudah faham, seperti Abu Bakar r.a. tidak mengetahui apakah maksud perkataan الالب pada firman Allah:

وَنَكِيتُهُ وَأَبَا ﴿٢٠﴾

Bermaksud: Dan berbagai buah-buahan serta bermacam-macam rumput (Abasa:31). Salah sekali mengatakan para sahabat kurang cerdas, lebih-lebih lagi sahabat utama Nabi s.a.w. Pertanyaan-pertanyaan mereka yang seperti itu bahkan menunjukkan mereka bersikap cermat dan berhati-hati dalam menerima ilmu.

Al-Harj yang tersebut di dalam hadits ini memang berasal daripada bahasa Habsyah dan ia mempunyai beberapa erti. Salah satu ertinya ialah pembunuhan. Antara bukti perkataan itu digunakan oleh Rasulullah s.a.w. dengan erti pembunuhan dan ia berasal daripada bahasa Habsyah ialah dua hadits di bawah ini:

حَدَّثَنَا عِيَّاشُ بْنُ الْوَلِيدِ ، أَخْبَرَنَا عَبْدُ الْأَعْلَى ، حَدَّثَنَا مَعْمَرٌ ، عَنِ الزُّهْرِيِّ ، عَنْ سَعِيدٍ ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : يَتَقَارَبُ الزَّمَانُ وَيَنْقُصُ الْعَمَلُ وَيُلْقَى الشُّحُّ وَتَظْهَرُ الْفِتْنُ وَيَكْثُرُ الْهَرْجُ قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ هُوَ قَالَ الْقَتْلُ الْقَتْلُ .

Bermaksud: Nabi s.a.w. bersabda: “Masa akan menjadi pendek, amalan akan berkurang, sifat bakhil akan dicampakkan, fitnah akan berleluasa, dan al-Harj pula akan banyak berlaku.” Para sahabat bertanya, “Apakah bendanya al-harj itu wahai Rasulullah?” Jawab Baginda: “pembunuhan, pembunuhan.” (Hadits riwayat al-Bukhari).

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ ، حَدَّثَنَا جَرِيرٌ ، عَنِ الْأَعْمَشِ ، عَنْ أَبِي وَائِلٍ قَالَ إِنِّي لَجَالِسٌ مَعَ عَبْدِ اللَّهِ وَأَبِي مُوسَى ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا فَقَالَ أَبُو مُوسَى سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَثْلَهُ وَالْهَرْجُ بِلِسَانِ الْخَبَشَةِ الْقَتْلُ .

Bermaksud: Abu Musa (al-Asy'ari) berkata, aku telah mendengar Nabi s.a.w. bersabda sama seperti hadits sebelumnya. Al-harj dalam bahasa Habsyah bererti pembunuhan. (Hadits riwayat al-Bukhari).

<sup>259</sup> Isyarat memiringkan tangan seperti tetakan pedang menunjukkan berlakunya peperangan dan peperangan pula menunjukkan pembunuhan. Ibarat: كَأَنَّهُ يُرِيدُ الْقَتْلَ di akhir hadits merupakan mudraj (sisipan) perawi yang bertujuan menjelaskan maksud isyarat Nabi s.a.w. di dalamnya. Ia mungkin ucapan mana-mana perawi yang tersebut di dalam sanad hadits itu. Tetapi Hafizh Ibnu Hajar berkata, “Tambahan (di akhir hadits) itu tidak terdapat di dalam kebanyakan riwayat. Ia seolah-olahnya merupakan tafsiran perawi yang menerima hadits itu daripada Hanzhalah. Abu 'Awānah meriwayatkannya daripada 'Abbaas ad-Dūri daripada Abi 'Aashim daripada Hanzhalah, dan di akhirnya 'Abbaas ad-Dūri berkata, “Abu 'Aashim menunjukkan kepada kami seolah-olahnya dia memenggal leher manusia.”

Perbuatan Baginda menunjukkan kepentingan gerak-geri dan isyarat tangan dalam penyampaian ilmu, kerana ia menarik perhatian dan memberikan gambaran yang lebih jelas berbanding kata-kata sahaja. Kebanyakan cara Baginda mengajarkan ilmu kepada sahabat-sahabatnya ialah dengan menggunakan isyarat tertentu sambil memberitahu perincian dan maksud di sebalik isyaratnya itu.

Kandungan hadits ini boleh dijadikan tambahan kepada hadits ke-81 dan ke-82 terdahulu tentang tanda-tanda qiamat, iaitu fitnah akan menjadi-jadi dan pembunuhan akan banyak berlaku. Lima tanda itu dalam sesetengah hadits disebutkan bersama, kadang-kadang disebutkan sebahagian sahaja, seperti pada hadits ke-86 ini. Lima perkara tersebut ialah: